

Alkitab untuk Anak-anak  
memperkenalkan

Janji Allah  
kepada  
Abraham



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Byron Unger dan Lazarus

Alastair Paterson

Disadur oleh: M. Maillot dan Tammy S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children

[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

BFC

PO Box 3


Winnipeg, MB R3C 2G1

Canada

©2020 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.





Satu ketika masa selepas banjir besar, manusia membuat satu rancangan. "Kami akan membina sebuah kota besar dengan sebuah menara yang puncaknya sampai ke langit," mereka berkata.



"Marilah kita sentiasa hidup bersama." Semua orang bercakap dengan satu bahasa yang sama.



Tuhan ingin manusia hidup di merata dunia yang dicipta olehNya. Jadi Beliau melakukan sesuatu yang istimewa. Tiba-tiba, orang ramai bercakap dalam berbagai bahasa yang berbeza. Allah memberikan

mereka bahasa yang baru.




Mereka yang bercakap dalam bahasa yang sama pindah ke tempat lain bersama-sama. Mungkin orang menjadi takut kerana tidak memahami satu sama lain.



Dengan cara ini, Tuhan menyebabkan orang ramai menduduki di merata-rata dunia. Kota yang ditnggalkan oleh mereka dipanggil Babel, yang bermaksud Kekeliruan.




Beberapa tahun kemudian, di tempat yang dipanggil Ur Chaldees, Allah berfirman kepada seorang lelaki bernama Abram. "Tinggalkan tanah ini," perintah Allah. "Pergilah ke tanah yang akan Kutunjukkan kepadamu."







Abram mematuhi arahan itu.  
Tuhan membawanya ke Kanaan.  
Isterinya Sarai dan Lot, anak  
saudara pergi bersamanya.



Di Kanaan, kedua-dua Abram dan Lot menjadi kaya. Mereka mempunyai kawanan lembu yang besar sehingga tidak ada padang rumput yang cukup untuk semua ternakan mereka.




Para gembala Lot bertengkar dengan para gembala Abram. "Janganlah ada pertengkaran di antara kita berdua," berkata Abram. "Biarlah kita berpisah. Lot, anda pilih dulu tanah yang anda mahu."



Lot memilih satu dataran besar berumput subur dipenuhi dengan kota-kota dan desa-desa. Ia kelihatan baik. Tetapi penduduk di kota-kota ini sangat jahat.




Selepas Lot pergi, Allah berfirman lagi kepada Abram. "Saya akan memberikan semua tanah Kanaan kepada anda dan anak-anak anda untuk selamanya."



Abram dan Sarai  
tidak mempunyai anak.  
Bagaimana Allah boleh  
menepati janji besar ini?





Tiga orang utusan  
Tuhan datang kepada

Abram dan Sarai. "Anda akan mempunyai seorang bayi tidak lama lagi," kata mereka. Sarai ketawa. Dia tidak percaya pesanan Allah.





Dia berusia 90 tahun. Tuhan memberitahu Abram akan dipanggil Abraham dan Sarai menjadi Sarah.







Tuhan juga  
memberitahu Abraham  
Dia akan memusnahkan  
dua bandar jahat iaitu  
Sodom dan Gomora. Lot,  
anak saudara Abraham



tinggal di Sodom  
dengan keluarganya.



Lot percaya kepada amaran Allah apabila ia disampaikan, tetapi suami anak-anak perempuannya enggan meninggalkan Sodom. Betapa tragis! Mereka tidak mempercayai Firman Tuhan.




Hanya Lot dan dua anak perempuannya Berjaya menyelamatkan diri. Api dan belerang turun ke atas kota-kota jahat ini.



Malangnya, isteri Lot tidak mendengar amaran Allah dan menoleh ke belakang ketika dia berlari. Dia bertukar menjadi satu tiang garam.



TUHAN menepati  
janjiNya kepada  
Abraham dan  
Sarah. Mereka  
mempunyai  
seorang bayi  
dalam usia tua  
mereka, sama  
seperti apa yang  
telah difirmankan  
oleh Allah.  
Betapa  
gembiranya  
mereka ketika  
Ishak dilahirkan!



Mungkin  
Abraham juga  
berfikir tentang  
janji Allah untuk  
memberi beliau  
dan anak-anaknya



tanah  
Kanaan untuk  
selama-lamanya.



Allah juga akan  
menepati janji  
itu. Tuhan sentiasa  
menepati janjiNya.




Janji Allah kepada Abraham  
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,  
terdapat dalam  
Kejadian 11-21

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi  
terang, memberi pengertian kepada  
orang-orang bodoh." Mazmur 119:130







TAMAT



4



60



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

